



KBC 3023 PERKEMBANGAN FIZIKAL, SOSIAL DAN EMOSI KANAK-KANAK PINTAR CERDAS

KAJIAN KES

NAMA : NURUL ASYIKIN BINTI ABU BAKAR
NO. MATRIK : D20091034743
PROGRAM : PENDIDIKAN KHAS
SESI : SEMESTER I 2010/2011
NAMA PENSYARAH : DR. MD NASIR BIN MASRAN

1.0 Abstrak

Tugasan ini dihasilkan adalah untuk membincangkan mengenai perkembangan kanak-kanak pintar cerdas dari segi fizikal, emosi dan juga sosial. Boleh dikatakan perkembangan fizikal kanak-kanak pintar cerdas tidak banyak berbeza dengan kanak-kanak biasa. Dari segi emosi pula, dapat dilihat kematangan mereka dalam menghadapi sesuatu masalah. Manakala dari segi sosial pula dikaji mengenai cara kanak-kanak pintar cerdas ini menghadapi masyarakat dan cara mereka memilih kawan dari perspektif mereka.

Mereka ini boleh dikelaskan dalam golongan minoriti kerana hanya sedikit sahaja golongan istimewa seperti mereka. Kerajaan akan rugi sekiranya kelebihan mereka tidak diambil peduli. Oleh itu, keperluan mereka harus dipenuhi bagi mengelakkan bakat dan keupayaan mereka terbazir begitu sahaja. Keperluan ini merangkumi keperluan dari segi emosi dan sosial di samping keperluan dalam bidang pendidikan. Masyarakat harus cuba memahami mengapa mereka sering mengasingkan diri dan mengapa sering berkelakuan pelik. Sekiranya ini dapat dilakukan, tidak mustahil, kanak-kanak pintar cerdas ini akan berubah kelakuannya dan lebih mesra dengan masyarakat.

2.0 Perkembangan Fizikal

Perkembangan fizikal merujuk kepada perkembangan luaran seperti ketinggian, saiz badan, koordinasi motor halus dan motor kasar dan pelbagai lagi. Semasa pembesaran, kanak-kanak akan mengalami perubahan dalam ketinggian, berat badan, menjadi lebih kuat dan dapat melibatkan diri dalam kegiatan fizikal yang lebih kompleks. Perkembangan kanak-kanak pintar cerdas tidak banyak berbeza dengan kanak-kanak biasa tetapi ada dalam kalangan kanak-kanak pintar cerdas mempunyai berat badan yang lebih berat dan ketinggian yang lebih tinggi daripada biasa. Mereka dapat melakukan aktiviti seperti berjalan di usia yang begitu muda berbanding kanak-kanak biasa. Namun terdapat juga kanak-kanak yang terlambat dalam perkembangan motor kasar ini.

Kanak-kanak yang pintar cerdas dalam bidang sukan misalnya, mereka mampu mempersembahkan teknik yang pelbagai dan mempunyai stamina yang lebih berbanding orang biasa. Bakat mereka akan dikesan dari peringkat awal lagi melalui pemerhatian orang lain. Mereka yang pintar cerdas juga sangat mementingkan kesihatan melalui pembacaan dan jangkaan masa hidup mereka lebih lama. Kadar kemerosotan penyakit mental seperti penyakit Alzheimer juga lebih rendah dalam kalangan pintar cerdas. Selain itu, kadar bunuh diri mereka yang pintar cerdas juga lebih rendah kecuali mereka yang terlampau pintar cerdas atau genius. Dapat dikonklusikan secara keseluruhannya, perkembangan fizikal kanak-kanak pintar cerdas lebih baik berbanding rakan sebaya akibat dari kesedaran penjagaan kesihatan dari awal lagi.

3.0 Emosi

Emosi didefinisikan sebagai suatu bentuk penzahiran perasaan naluri seperti sayang, gembira, malu, sedih atau takut. Perasaan-perasaan ini akan mempengaruhi tindak balas luaran sama ada pada perubahan tubuh fizikal terkawal seperti mimik muka yang bengis dan tidak terkawal seperti badan menggeletar kerana ketakutan. Dalam istilah Psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang yang berkait rapat dengan tindak balas daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran. Ia adalah suatu pergerakan dalam minda yang dikeluarkan oleh pengaruh luaran.

Minda adalah pasif dan sentiasa menerima semua yang terlintas untuk mempengaruhinya. Apabila minda tersebut bangkit untuk menunjukkan apa yang dirasainya, maka itulah yang dimaksudkan sebagai emosi. Ada kalanya emosi dianggap sebagai suatu alasan yang saling berlawanan. Sama ada beralasan untuk mengikut kehendak emosi atau tidak membiarkan emosi menguasai diri. Demikian adalah konteks yang selalu berkaitan mengenai emosi iaitu tentang penghasilan resolusi untuk mengawalinya.

3.1 Perkembangan Emosi Kanak-Kanak Pintar Cerdas

Emosi adalah suatu bentuk daya kognitif yang terbentuk dan berkembang secara peringkat demi peringkat semenjak dari awal kelahiran. Semasa peringkat kanak-kanak, mereka biasanya suka bermain dan stabil dari segi emosi. Menurut kajian ahli-ahli Psikologi, emosi seseorang individu juga diwarisi daripada baka ibu bapa selain beberapa faktor lain juga. Contohnya, ibu bapa yang mempunyai emosi yang kurang stabil dan bersifat pemaarah akan melahirkan anak yang agresif dan bersifat memerintah. Tidak terdapat bukti yang kukuh bahawa kanak-kanak pintar cerdas ini banyak mengalami masalah tingkah laku (Gallucci, Middleton & Kline, 1999). Mereka ini tidak semestinya mencapai tahap yang tinggi dalam perkembangan nilai dan moral sepertimana yang telah dibuktikan dalam kajian Terman di mana pada keseluruhannya golongan ini telah menunjukkan perkembangan yang lebih baik dalam semua domain termasuk domain moral (Davis & Rimm, 1998; Gallagher & Gallagher, 1994).

Kebanyakan masalah emosi kanak-kanak pintar cerdas sama ada dalam bidang akademik mahupun persekolahan adalah disebabkan oleh kegagalan pendekatan pendidikan sedia ada dan juga kurangnya kesedaran guru dalam mengendalikan mereka. Di sekolah, terdapat sebilangan guru yang tidak memiliki pengetahuan atau pendedahan mengenai kanak-kanak pintar cerdas dengan baik diminta mengajar kanak-kanak ini. Guru itu mungkin tidak memahami keperluan utama pelajar cerdas dan member maklumat yang tidak mampu menarik minat mereka. Selain dari tugas yang diberikan tidak sepatutnya diberi kepada mereka seperti kerja salin-menyalin yang hanya melatih motor halus dan membuatkan mereka lebih tertekan. Kadang-kadang, guru memberi jumlah tugas pelajar lebih daripada biasa bagi topik yang sama. Sebenarnya, cara ini tidak sesuai dilakukan terhadap golongan pelajar ini kerana mereka memerlukan cabaran kualiti bukannya kuantiti. Kesannya akan menyebabkan mereka merasa bosan dan benci kepada sekolah.

Mereka ini juga kadang-kadang merasakan kekosongan jiwa. Kekosongan jiwa ini bermaksud, mereka hilang hala tuju. Mereka merasakan hidup ini tidak bermakna dan nyawa mereka tidak bernilai. Walaupun keadaan ini berlaku kepada sebilangan golongan pintar cerdas yang menghadapi masalah kemurungan secara sementara, ia adalah lebih kerap berlaku pada individu-individu yang tertentu dan ia berlaku secara kronik pada golongan ini. Sebagai contoh, apabila mereka putus cinta, kekecewaan mereka dirasakan berganda-ganda lebih kecewa berbanding orang biasa yang putus cinta. Keadaan ini mungkin akibat perkembangan kecerdasan intrapersonal yang tidak matang. Mereka juga akan merasa tekanan emosi sekiranya ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan menganggap mereka sempurna pada setiap masa.

Simptom kanak-kanak pintar cerdas yang mengalami tekanan yang serius ialah seperti tiba-tiba berubah personaliti atau tingkah laku, tekanan berat dialami satu minggu atau lebih, menyembunyikan atau menyatakan hasrat untuk membunuh diri sama ada secara serius atau dalam keadaan bergurau, memberi barang-barang milik sendiri kepada orang lain, pengambilan alkohol, dadah atau pengambilan makanan tidak tentu masa dan banyak lagi tanda-tanda yang dapat diperhatikan. Sekiranya tanda-tanda bahaya ini diperlihatkan, ini bermakna mereka memerlukan sokongan secepatnya.

Kanak-kanak pintar cerdas juga kadang-kadang akan mempamerkan reaksi emosi yang keterlaluan seperti contoh menangis melampau-lampau atau meraung-raung melihat kucing yang mati dilanggar, marah teramat apabila banyak paus yang dibunuh. Perasaan yang halus, contohnya menangis melihat kepada bunga yang layu semasa musim luruh. Sifat ini berkaitan dengan penghayatan dan ekspresi seni, sifat yang biasa ada pada penulis dan pelukis.

3.2 Kematangan Emosi

Kebanyakan guru menganggap kanak-kanak pintar cerdas lebih matang dari segi perkembangan kognitif berbanding rakan sekelas. Walau bagaimanapun, guru selalu menjangkakan perkembangan emosi kanak-kanak pintar cerdas akan selari dengan rakan sebayanya. Perkembangan emosi dan intelektual kanak-kanak ini bersesuaian dengan umur kronologi mereka. Bagaimanapun, kanak-kanak yang berbeza dari segi keintelektualan akan menzahirkan emosi yang lebih matang.

3.3 Bagaimana Perfeksionis Mempengaruhi Perkembangan Emosi

Dalam kumpulan, seseorang yang pintar cerdas cenderung untuk bersifat perfeksionis. Mereka lebih perfeksionis berbanding pelajar biasa. Perfeksionis bermakna tidak boleh gagal dalam sesuatu perkara yang dilakukan dan ingin menghasilkan hasil kerja yang terbaik. Ia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja pintar cerdas pelbagai peringkat umur. Sifat perfeksionis mereka boleh menjadi pendorong untuk mencapai pencapaian yang lebih tinggi. Bagaimanapun, sifat perfeksionis yang keterlaluan boleh menjadi penghalang selain pendorong.

Bagi mereka yang bersifat perfeksionis, mendapat nombor dua dalam pertandingan itu ialah kegagalan bagi mereka. Seseorang yang perfeksionis selalu menunjukkan tidak berpuas hati dengan kerja yang dilakukan, lebih menumpukan perhatian kepada komen yang negatif berbanding komen positif, menganggap diri sendiri bodoh apabila kerja yang dilakukan kurang sempurna, mengambil masa yang lama untuk berfikir dan selalu membandingkan hasil kerja orang lain dengan hasil kerjanya.

Perkembangan emosi turut terlibat dalam situasi ini kerana apa yang mereka alami dan rasai boleh membantu atau merencatkan perkembangan emosi mereka. Contoh perkembangan emosi yang kurang bagus ialah kanak-kanak pintar cerdas merasa malu yang mendalam akan kesilapan yang dilakukan walaupun tidaklah sebesar mana, menyalahkan atau memarahi diri sendiri apabila dikritik, marah jika jadual hariannya diganggu, perasaan takut tidak diterima dalam sesebuah kumpulan dan bimbang sekiranya keadaan di sekeliling tidak kemas atau teratur.

Sifat perfeksionis yang boleh membawa kepada impak negatif haruslah diatasi dengan mendidik pelajar pintar cerdas itu supaya belajar menerima kegagalan kerana tidak semua orang sempurna. Ini adalah sebahagian daripada cabaran hidup, kegagalan bukan beerti pengakhiran hidup. Pelajar ini haruslah dididik bahawa untuk memerlukan kejayaan perlu datang dari usaha yang gigih dan berterusan. Seterusnya mereka didedahkan dengan pelbagai cabaran baru supaya mereka lebih banyak berusaha.

Selain itu, menjadikan contoh mereka yang pintar cerdas yang pernah gagal kepada pelajar yang perfeksionis ini supaya mereka mengetahui tidak semua orang pintar cerdas

hanya melakukan eksperimen sekali dan terus berjaya. Sebaliknya mereka melakukannya berkali-kali dan ada yang beratus-ratus kali barulah berjaya. Ibu bapa pula perlulah memberikan kasih sayang tanpa batasan dan menggalakkan mereka menjadi 'pengembara tetap'. Bantu mereka mencuba dan membetulkan kesalahan supaya kesalahan itu menjadi pengalaman mereka untuk berjaya. Dalam keadaan yang memerlukan penyelesaian masalah, bantu anak dengan mencari jalan alternatif dan bukan mengatakan hanya satu sahaja jalan penyelesaian yang betul.

3.4 Keyakinan Diri Mempengaruhi Perkembangan Emosi

Keyakinan diri yang tinggi akan menghasilkan emosi yang baik. Namun sekiranya keyakinan diri yang terlalu tinggi akan membuatkan orang lain kurang menyukai seorang pintar cerdas itu. Kekurangan keyakinan akan menyebabkan seseorang pintar cerdas itu akan merasa rendah diri. Ini sering berlaku kepada kanak-kanak pintar cerdas yang berada di kawasan pedalaman, apabila dibawa keluar belajar di bandar akan menyebabkan mereka rendah diri terhadap kawan-kawan yang lain kerana kurang berkeyakinan. Apabila ini berlaku, ia akan menyebabkan emosi mereka bercelaru dan bermasalah.

4.0 Perkembangan Sosial

Maksud sosial ialah segala hal yang berkaitan dengan masyarakat, suka mengambil berat tentang hal-hal masyarakat atau suka bercampur dengan masyarakat. Masalah sosial bermakna cabaran sosial seperti tidak disukai, tidak popular, tidak difahami, tidak disenangi, tidak memiliki minat atau hobi yang sama, topik perbualan yang berbeza dan cara atau budaya bergaul yang berbeza. Kelemahan bersosial pula membawa maksud kemahiran sosial yang kurang seperti tidak memahami perasaan orang lain, sikap mementingkan sendiri, bersikap dingin, tidak pandai mengambil hati orang lain, senang melukai hati orang lain, tidak boleh bertolak-ansur atau bercakap lepas apabila melihat sesuatu yang tidak betul. Individu pintar cerdas yang menghadapi masalah sosial tidak semestinya lemah dalam pergaulan tetapi dia mungkin lambat menyesuaikan diri dengan persekitaran atau budaya di sekeliling atau yang tidak serasi dengannya.

Selalunya kita menganggap golongan pintar cerdas berkelakuan ganjil seperti sering bersendirian atau bercakap seorang diri ataupun tidak suka bersosial dan hanya mementingkan pekerjaan atau pelajaran. Ini menggambarkan kita sukar memahami motivasi atau dorongan

kepada tingkah laku mereka. Kalau kita boleh memahami sebab di sebalik tingkah laku mereka, maka kelakuan mereka tidak lagi menjadi pelik kepada kita. Disebabkan perbezaan mereka dengan orang lain, salah faham adalah perkara yang sering berlaku, mereka lebih sukar difahami. Individu yang pintar cerdas menghadapi masalah berkomunikasi yang menghalang mereka berkomunikasi dengan berkesan. Kanak-kanak pintar cerdas bercakap laju. Ini adalah akibat beberapa keistimewaan yang ada pada mereka.

Kadang-kadang apabila ditanyakan maklumat tertentu. Mereka susah menjawab dengan jelas dan tersusun. Ini berlaku sebab banyak sangat idea yang berlaku serentak di otaknya. Mereka seolah-olah susah menyusun maklumat yang ada pada mereka dengan cara yang teratur, kemas dan dari senang ke susah. Akibatnya mereka bercakap sahaja segala apa yang terlintas di fikiran mereka. Ini mengelirukan mereka yang mendengar. Mereka yang cerdas juga akan malas mengulang apa yang diperkatakan sekiranya pihak yang mendengar tidak memahaminya.

Selain itu, terdapat satu lagi sifat individu pintar cerdas yang kurang disenangi adalah cara berkomunikasi mereka yang seolah-olah suka berdebat dan mencari kesalahan orang lain. Ini adalah akibat pemikiran mereka yang kritikal, senang mengesan kesilapan dalam idea orang lain. Ini mungkin menjadi satu masalah kepada kerjaya mereka, contohnya berdebat dengan penemuduga sekiranya tidak bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh penemuduga.

Pencapaian kanak-kanak pintar cerdas yang begitu tinggi selalunya menimbulkan perasaan iri hati pada rakan-rakan di sekelilingnya. Lebih-lebih lagi, biasanya kanak-kanak pintar cerdas menunjukkan penguasaan dalam kebanyakan aspek seperti memenangi banyak hadiah dalam pelbagai pertandingan atau mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Perasaan rendah diri ini menjadikan kanak-kanak lain menjauhkan diri daripada kanak-kanak pintar cerdas. Keadaan ini akan menjadikan kanak-kanak pintar cerdas seolah-olah tidak dipedulikan dan dipulaukan walaupun dia tidak berbuat salah.

Kebiasaannya guru suka kepada kanak-kanak yang cerdik dalam kelas, tetapi keadaannya agak berbeza kalau kanak-kanak tersebut terlalu pintar cerdas. Bercanggah dengan pernyataan orang lain, kanak-kanak pintar cerdas tidak semestinya disukai oleh guru. Menjadi guru kepada pelajar yang terlalu pintar cerdas mungkin akan mengakibatkan punca

tekanan yang serius. Anak yang pintar cerdas ini dibenci sebab otaknya yang kritikal kadang-kadang menjadikannya tidak teragak-agak berdebat dan menunjukkan kesalahan guru secara terus. Pengalaman yang negatif ini sudah tentu meninggalkan kesan yang negatif pada hati anak itu. Dia tidak faham apakah kesalahannya sehingga dihukum.

Pengetahuan yang luas yang dimiliki oleh kanak-kanak pintar cerdas selalu menjadikan guru yang tidak berkeyakinan akademik berasa takut, tidak yakin, tertekan dan membenci kanak-kanak pintar cerdas tersebut. Guru juga mungkin bertindak mengabaikan kanak-kanak tersebut dan tidak mengiktiraf pencapaiannya, seolah-olah kanak-kanak tersebut tidak wujud bagi mengelakkan kanak-kanak itu menyuarakan pendapatnya. Keadaan ini akan menyekat perkembangan kanak-kanak tersebut, ia juga menimbulkan masalah sosioemosi kepada kanak-kanak tersebut.

Kanak-kanak yang berasa bosan akan membenci sekolah, mereka juga tidak berminat menyiapkan kerja rumah dan mengambil ujian. Tugasan yang tidak mencabar ini langsung tidak menarik minat mereka. Kehadiran yang lemah dan sikap yang tidak bersungguh-sungguh ini dianggap sebagai satu masalah disiplin oleh guru dan pihak pentadbiran. Mereka mungkin mengambil tindakan disiplin kepada anak tersebut tanpa menyedari pada hakikatnya anak tersebut adalah pintar cerdas. Hukuman yang dikenakan ke atas pelajar pintar cerdas ini akan menjadikan mereka lebih benci lagi kepada sekolah. Keadaan ini menjadikan mereka bersikap memberontak seperti mengabaikan guru, tidak mengikut arahan, bersikap dingin dan menjauhkan diri, menjawab balik kepada guru ataupun mencabar guru.

Masalah mungkin berlaku apabila ibu bapa tidak memahami keperluan anak yang pintar cerdas. Biasanya ibu bapa adalah yang paling awal mengenal kelebihan anak tersebut. Contohnya semasa kecil, anak ini sangat bertenaga, kurang tidur berbanding kanak-kanak lain dan dengan itu meletihkan ibubapa yang menjaganya. Selain itu, ibu bapa berasa bersalah kerana tidak mampu memberi apa yang terbaik untuk perkembangan potensi anak terutama ibu bapa dari taraf sosio ekonomi yang rendah. Mereka mungkin menyembunyikan kelebihan anak mereka ini daripada saudara mara, untuk mengelakkan dianggap sebagai menunjuk-nunjuk atau sengaja mengeskplotasikan anak. Selain itu, sebagai kanak-kanak pintar cerdas miskin, mereka turut mempunyai masalah lain iaitu seperti keperluan cabaran intelek tidak dapat dipenuhi dan potensi mereka sering berada di bawah tahap pencapaian atau *underachievement*.

Masalah penderaan juga berlaku apabila anak yang pintar cerdas dieksplotasikan oleh ibubapa dengan memaksanya belajar supaya menarik perhatian orang lain atau menjadikan anak mereka sebagai sumber pendapatan. Keadaan ini akan mengakibatkan perkembangan anak itu semakin tidak seimbang dan menjejaskan kesejahteraannya dari segi mental, fizikal dan juga emosi. Dia akan semakin menghadapi masalah yang lebih besar apabila membesar nanti. Prinsip kepada pendidikan pintar cerdas adalah membantu mereka menyerlahkan kekuatannya dan mengatasi kelemahannya supaya dapat menyeimbangkan perkembangan keseluruhan anak. Cara seperti paksaan akan memberi kesan negatif untuk jangka masa yang panjang.

Menjadi ibu bapa kepada kanak-kanak pintar cerdas memerlukan kemahiran yang tertentu, James Webb (1982) memberikan cadangan-cadangan kepada ibu bapa, contohnya kemahiran berkomunikasi dengan anak yang pintar cerdas. Contohnya jika kanak-kanak itu menghadapi masalah kemurungan dan asyik mengadu, dia boleh dibawakan kepada persatuan sukarela atau membuat aktiviti amal. Melalui cara ini iaitu meluaskan kenalan baru dan membantu orang lain yang menghadapi kesukaran hidup, dapat membantunya melupakan masalah sendiri. Persatuan begini juga menawarkan peluang berinteraksi dengan individu pelbagai lingkungan umur. Ini dapat mengurangkan kesan negatif sekolah di mana pelajar digolongkan dan dikelaskan mengikut umur semata-mata.

4.1 Kanak-Kanak Pintar Cerdas Memilih Kawan

Kanak-kanak pintar cerdas kebanyakan susah untuk menyesuaikan diri dengan orang lain apatah lagi dengan mereka yang baru dikenali. Dalam memilih kawan, mereka tidak mementingkan kuantiti tetapi kualiti yang ada pada seseorang itu untuk menjadi kawannya. Kebiasaannya mereka akan memilih kawan bukan berdasarkan kepada umur kronologi yang sama tetapi berdasarkan persamaan dalam perkembangan intelektual atau yang berkongsi minat yang sama. Contohnya jika minat seseorang kanak-kanak itu ialah membaca, dia juga akan mencari kawan yang minat membaca juga. Ini membuatkan mereka senang untuk berinteraksi ataupun berdebat mengenai sesuatu isu. Apabila kanak-kanak cerdas ini berkawan dengan mereka yang mempunyai pemikiran yang kurang matang daripadanya menyebabkan mereka ini cepat merasa bosan apabila berkawan. Mereka memilih kawan bukan untuk mencari kepopularan tetapi mencari kawan yang sejati dan yang mampu memahami dirinya. Pada

tahap ini, hubungan persahabatan yang mendalam dan hubungan yang berkekalan akan dijalinan.

Terdapat lima tahap dalam pemilihan kawan iaitu yang pertama ialah teman bermain. Ini adalah peringkat paling awal dalam berkawan, hubungan dibina atas dasar teman bermain. Ini adalah peringkat semasa tahap kanak-kanak. Seterusnya ialah teman untuk berbual. Perkongsian minat adalah elemen yang terpenting dalam berkawan. Perbualan di antara mereka bukan lagi berdasarkan permainan semata-mata. Tahap ini adalah dalam lingkungan usia 7 hingga 9 tahun. Peringkat yang ketiga ialah mencari teman yang membantu dan memberi dorongan. Pada ketika ini, kawan ialah orang yang akan menghulurkan bantuan, sokongan dan dorongan. Seseengah kanak-kanak akan mencapai tahap ini lebih awal terutama kanak-kanak pintar cerdas tetapi secara keseluruhannya tahap ini boleh dikatakan dalam lingkungan usia 9 hingga 11 tahun.

Tahap keempat ialah perhubungan yang lebih intim dan empati. Pada tahap ini, kanak-kanak mulai sedar bahawa dalam berkawan saling memerlukan antara satu sama lain seperti memberikan belaian di samping memberikan pengaruh yang kuat dalam menentukan keputusan kawannya. Tahap ini lebih kepada hubungan yang lebih mesra dan perkongsian emosi. Tahap ini ialah umur di antara 11 atau 12 tahun. Manakala tahap kelima ialah mencari kawan sebagai pelindung atau dipanggil juga *sure shelter*. Kawan yang setia ialah kawan yang boleh melindungi dan dipercayai. Pada tahap ini, hubungan persahabatan yang terjalin akan berkekalan dan bertahan hasil daripada kesetiaan dan kasih sayang tanpa syarat.

Kanak-kanak pintar cerdas yang mempunyai IQ lebih tinggi seperti 160 dan ke atas lebih cenderung untuk memilih kawan *sure shelter* iaitu kawan yang boleh dipercayai dan setia dalam usia yang lebih muda berbanding rakan sebaya akan mencapainya iaitu dalam lingkungan empat atau lima tahun lebih awal. Selain itu, ciri-ciri lain pelajar pintar cerdas ialah mereka cenderung untuk ditemani oleh beberapa kawan rapat berbanding berada dalam kumpulan besar. Ini adalah ciri-ciri kanak-kanak yang bersikap introvert berbanding ekstrovert.

Terdapat juga kanak-kanak pintar cerdas yang sengaja tidak mahu menonjolkan potensi diri yang sebenar kerana bimbang tidak diterima oleh rakan lain. Oleh itu, mereka berpura-pura tidak mengetahui mengenai sesuatu walaupun mereka mampu menyelesaikannya dengan mudah. Ini menyebabkan mereka ialah pintar cerdas yang berada

di bawah tahap pencapaian sebenar atau pencapai rendah. Mereka tidak mahu dianggap terlalu pandai dan berlagak oleh rakan-rakan menyebabkan mereka berkelakuan seperti itu. Ini adalah merupakan kerugian kepada negara khasnya kerana potensi mereka tidak dikembangkan sepenuhnya.

KAJIAN KES

5.0 Kajian Kes

Responden kajian kes saya masih berdasarkan kepada kajian kes yang lepas. Beliau berumur 20 tahun, perempuan dan pada masa kini sedang menuntut dalam bidang Sarjana Muda Sains Kimia Gunaan di Universiti Teknologi Mara cawangan Arau, Perlis. Beliau sedang melalui fasa pecutan di mana pengajian diploma yang diambilnya sebelum ini sepatutnya memakan masa tiga tahun namun hanya memakan masa selama setahun setengah sahaja dan seterusnya menyambung ijazah selama dua tahun setengah. Kini beliau sedang berada dalam semester dua peringkat ijazahnya.

Mula menunjukkan kepintaran dalam Matematik dan Kimia semasa berada di tingkatan empat iaitu dapat menyelesaikan soalan aras tingkatan lima walaupun baru belajar yang asas. Contohnya dalam subjek Matematik Tambahan, beliau sudah boleh menyelesaikan soalan pengamiran walaupun guru baru mengajar topik pembezaan yang mana pembezaan adalah asas bagi pengamiran. Sering dilantik menjadi tutor bagi subjek Matematik Tambahan dan subjek Kimia di dalam kelas. Sebelum itu, semasa di tingkatan menengah rendah, beliau hanya biasa sahaja di dalam kelas, tidak menunjukkan kelebihannya.

Beliau membuat keputusan yang bijak dengan memilih kursus yang ditawarkan di UiTM memandangkan dalam pada waktu yang sama beliau turut mendapat tawaran ke Matrikulasi Arau kerana tahu terdapat program pecutaan di universiti tersebut. Ramai yang menentang hasratnya untuk pergi ke UiTM kerana menganggap fasa di matrikulasi lebih cepat. Ternyata pilihan yang dibuat oleh beliau memberikan pulangan. Beliau berkata, diploma yang ditawarkan memenuhi kepakarannya dan jika di matrik belum tentu apabila keluar dari matrik akan mendapat kos ijazah yang sesuai dengannya.

Minatnya lebih mengarah kepada bidang Kimia dan Matematik Tambahan tetapi dalam pada masa yang sama mampu juga untuk menyeimbangkan subjek lain untuk turut mendapat keputusan yang cemerlang. Faktor yang mempengaruhi kecerdasannya dalam bidang Kimia dan Matematik ialah dari segi faktor persekitaran dan juga genetik. Salah seorang abangnya turut cemerlang dalam bidang Matematik dan Kimia.

Kurang mempunyai sifat perfeksionis dalam diri tetapi kerja yang dihasilkan menepati kehendak guru. Sering mewakili sekolah dalam pertandingan yang berorientasikan akademik.

Kurang menggemari aktiviti lasak seperti perkhemahan contohnya. Semasa di sekolah, hanya terlibat dalam persatuan atau unit beruniform hanya untuk memenuhi syarat kelayakan masuk ke universiti. Tetapi pada masa yang sama, turut memegang jawatan-jawatan penting seperti naib pengerusi dan ahli jawatankuasa kelab atau persatuan.

Bapanya hanya bekerja membawa teksi dan mempunyai bilangan adik beradik yang ramai iaitu seramai tujuh orang. Ibunya telah meninggal dunia kerana penyakit yang dihadapi. Beliau adalah anak yang keenam. Ada dalam kalangan adik beradiknya yang bekerja sebagai guru, bekerja di syarikat swasta, bekerja sendiri dan masih belajar. Ibu bapanya hanya mempunyai pendidikan setakat darjah enam sahaja. Taraf kehidupan keluarganya sederhana sahaja.

5.1 Perkembangan Fizikal

Perkembangan fizikal responden hanya hampir sama dengan orang biasa. Semasa dilahirkan, berat dan tingginya normal, tetapi setelah meningkat ke alam remaja pertumbuhan badannya semakin meninggi selari dengan saiz badan. Masa mula-mula berjalan sama seperti kanak-kanak biasa yang lain iaitu dalam usia 10 ke 11 bulan. Semasa kecil, beliau tidak suka melakukan aktiviti yang lasak seperti memanjat, bermain bola, berlari dan acara sukan yang lain. Gayat dengan tempat tinggi dan cepat fobia dengan dengan sesuatu seperti ulat yang baginya sangat menggelikan. Beliau hanya mengambil penyertaan dalam rumah sukan dan aktiviti kokurikulum untuk memenuhi syarat kemasukan ke universiti.

5.2 Perkembangan Emosi

Perkembangan emosi yang dialami oleh responden ialah seperti sering merajuk semasa kecil. Sekiranya tidak mendapat apa yang diinginkan atau inginkan perhatian, responden tidak akan menangis sebaliknya hanya merajuk. Berbeza dengan kanak-kanak biasa, jika tidak mendapat mainan yang dikehendaki contohnya, mereka akan menangis sehingga kemahuan itu dipenuhi. Responden pula hanya akan mendiamkan diri dan tidak bercakap sehingga apa yang dimahukan didapatinya. Hal ini merungsingkan orang tuanya kerana tidak memahami apa yang diperlukan oleh responden tersebut. Semakin meningkat dewasa, sifat merajuk ini semakin berkurangan dalam diri responden. Dia dapat mengawal diri agar bersabar sekiranya menginginkan sesuatu.

Selain itu, di waktu kecilnya, responden seorang yang ceria apabila berada di rumah. Namun apabila dibawa ke rumah jiran atau saudara mara, responden akan berubah menjadi seorang yang sangat pasif dan pendiam. Semakin meningkat dewasa, mood responden juga berubah mengikut keadaan. Sekiranya di tempat atau persekitaran baru seperti di kem kecemerlangan misalnya, beliau akan menjadi seorang yang pasif. Jika berada di tempat yang tidak asing baginya, dia akan bercakap dan membuat lawak jenaka. Di dalam kelas, responden kurang melibatkan diri kerana kurang yakin jawapannya betul ataupun tidak. Tahap keyakinan dirinya masih berada di tahap yang rendah. Responden juga amat pemalu jika disuruh membentangkan di hadapan.

Responden juga seorang yang suka memendam perasaan. Beliau kurang gemar berkongsi masalah atau apa-apa sahaja dengan orang lain tidak kira sama ada berita gembira atau sedih. Perkara yang paling menyedihkan yang pernah beliau alami ialah kehilangan ibunda yang tercinta, namun hanya dipendam seorang diri. Beliau amat rapat dengan ibunya seperti seorang kawan. Ketiadaan ibunya menyebabkan beliau hilang tempat mengadu. Beliau tidak menceritakan peristiwa yang dialaminya kepada sesiapaupun. Beliau juga tidak cepat melatah dan menyalahkan takdir kerana dapat menerima dengan hati yang terbuka tentang apa yang berlaku. Namun beliau tetap tabah dan berlakon seperti biasa seolah-olah tiada apa yang berlaku. Dapat disimpulkan bahawa responden bijak mengawal emosi walaupun menghadapi saat-saat perit.

5.3 Perkembangan Sosial

Dari segi perkembangan sosialnya pula, responden amat mesra dengan orang yang sudah dikenalnya manakala bagi yang baru dikenali mengambil masa yang agak lama untuk mewujudkan hubungan yang mesra. Daapt mewujudkan suasana perhubungan yang selesa dan mesra. Beliau amat sukar untuk memulakan perbualan dengan orang yang baru dikenalnya dan bagi yang tidak mengenalinya akan mengatakannya seorang yang sombong. Seseorang itu haruslah memulakan topik perbualan sekiranya ingin berbicara dengannya.

Percakapan beliau yang lembut dan jelas memudahkan komunikasi berlangsung. Sifatnya yang tidak sombong dan suka membantu menyebabkan dia diterima baik di dalam kelas. Jika di zaman kanak-kanak, agak sukar untuk dia berbual dengan saudara-mara atau jiran tetangga, apabila dewasa sudah berubah sedikit. Beliau sudah berbicara dengan jiran

atau saudara yang beliau kenali. Namun satu sifatnya yang masih kekal, iaitu kurang senang berkunjung ke rumah orang lain.

Dalam memilih kawan, tidak dinafikan beliau lebih selesa berdamping dengan kawan yang sama minat dengannya iaitu mereka yang suka membaca sepertinya. Ini kerana baginya, mudah untuk membincangkan mengenai sesuatu topik. Dapat saya perhatikan, sejak dari tingkatan satu lagi, responden kekal bersama sahabatnya itu sehinggalah sekarang. Mereka sering belajar bersama-sama.

6.0 Strategi Menangani Sifat Pemalu dalam Diri Responden

Responden seorang yang agak pemalu di dalam kelas semasa sesi pembentangan atau untuk berhadapan dengan khalayak ramai. Sangat sukar untuk mendefinisikan dengan tepat apa yang dimaksudkan dengan malu. Ini adalah kerana malu membawa maksud yang berbeza-beza kepada individu yang berbeza (Zimbardo, 1977). J. Malouff (2002), mengkategorikan kanak-kanak sebagai pemalu sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya tiga atau empat daripada tingkahlaku yang berikut ketika berada di pra-sekolah atau sekolah rendah.

Kanak-kanak pemalu sering mempunyai tingkah laku seperti tidak bercakap atau bercakap sedikit sahaja secara sukarela, mengikut arahan tetapi tidak ada tindak balas verbal, memalingkan muka ketika bercakap, hanya melihat tetapi enggan menyertai aktiviti yang menyeronokkan yang dilakukan oleh kanak-kanak lain, hanya sedikit atau tidak ada langsung *eye contact*, bercakap sangat perlahan dan selalu menjadi individu yang terakhir masuk ke dalam barisan atau untuk sesuatu aktiviti.

Sikap pemalu ini perlu diubah kerana susah bagi beliau untuk ditemubual ketika mencari kerja nanti dan bagi melahirkan keberanian di dalam dirinya untuk berucap di khalayak ramai. Sebagai kawan, saya akan membantunya menghilangkan rasa malu ini. Sikap pemalu tidak akan dapat diubah hanya dalam masa sehari sahaja, begitu juga dengan tingkah laku yang lain seperti pamarah misalnya. Jangkaan saya beliau akan mengambil masa selama enam bulan bagi mengubah sikap pemalunya ini. Rasa malu datang dari kurangnya keyakinan terhadap kebolehan diri sendiri dan risaukan tanggapan orang lain terhadap diri. Oleh itu saya akan cuba membina sifat yakin diri ke dalam diri responden supaya beliau tidak ragu-ragu untuk menonjolkan keupayaan diri.

Langkah I

Pertama sekali, kenalpasti faktor mengapa responden bersikap pemalu hanya ketika berhadapan dengan orang yang tidak dikenali atau jika terlalu ramai orang seperti menyampaikan ucapan di khalayak ramai. Elakkan untuk melabel beliau sebagai seorang yang pemalu kerana boleh menjatuhkan motivasi dirinya. Langkah pertama bermula di dalam kelas. Beliau yang sekarang sedang menuntut di UiTM semestinya mempunyai banyak pembentangan yang harus dibuat.

Jika semasa sesi pembentangnya beliau asyik menutup muka dengan buku, pensyarah semestinya akan memberinya markah yang rendah sahaja. Oleh itu, sebagai kawan saya akan mencadangkan satu bentuk program seperti bentuk satu kumpulan kecil dan salah seorang daripada ketua kumpulan adalah responden. Melalui cara ini, dapat membina keyakinan dalam dirinya sedikit demi sedikit dan rasa dihargai oleh kawan-kawan. Mulakan dengan memberi pembentangan di dalam kumpulan kecil ini dahulu sebelum seterusnya dibentangkan di hadapan kelas. Saya akan meminta responden supaya memikirkan seolah-olah berlakon tidak ada orang lain di hadapannya.

Langkah II

Mendorong responden untuk menulis di dalam majalah siswa atau majalah kolej. Melalui tulisan, beliau boleh cuba berinteraksi dengan orang lain dengan menyampaikan mesej yang tersirat di sebalik tulisannya. Jika mampu menarik minat pembaca, sudah semestinya pembaca akan bertanya-tanya siapakah penulisnya. Gunakan nama pena dahulu, selepas mempunyai keberanian untuk menonjolkan diri di khalayak barulah menggunakan nama sebenar. Saya boleh membantunya dengan turut memikirkan isu atau apa sahaja karya seperti cerpen misalnya yang hendak dimuatkan ke dalam majalah. Isu itu seharusnya mampu membuatkan penonton tertarik dan mahukan kisah sambungannya. Selepas mempunyai keberanian barulah munculkan diri di khalayak ramai.

Langkah III

Saya akan memujuknya untuk memasuki pertandingan yang melibatkan penonton seperti pidato, debat atau apa-apa lagi yang diadakan bermula di peringkat kolej dan seterusnya di peringkat universiti. Pertandingan ini supaya beliau lebih berani untuk berhadapan dengan masyarakat. Melalui cara ini diharapkan agar beliau mampu untuk berkomunikasi dengan masyarakat dengan lebih berkesan.

Langkah IV

Menggalakkan penyertaannya dalam program amal atau bakti yang diadakan di peringkat kolej atau universiti. Penyertaannya haruslah berkali-kali agar beliau dapat mengenali lebih ramai orang dan ragam mereka. Melalui cara ini, saya dapat memperkenalkan lebih ramai orang lain kepada responden di samping memberi khidmat bakti. sepanjang program itu berlangsung, sudah pasti akan banyak berlaku interaksi di antara responden dengan orang yang dikenalnya atau tidak seperti penduduk kampung itu. Secara tidak langsung ini dapat mengajar responden menghadapi khalayak yang ramai dengan lebih yakin. Lantik beliau untuk menjadi pengerusi bagi salah satu acara yang diatitkan dalam program itu. Salah saatunya ialah seperti menjadi pengerusi bagi program pendidikan kepada anak-anak muda di kawasan itu. beliau akan menyampaikan ucapan sebelum memulakan program kepada ibu bapa dan anak-anak mereka.

Langkah V

Ini adalah rancangan saya yang paling penting bagi membantunya lebih berani dalam menghadapi masyarakat iaitu mencadangkan kepadanya supaya menjadi calon dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Ia dapat membuktikan sama ada keberanian telah wujud di dalam dirinya atau tidak. beliau sendiri harus mempunyai keberanian dan kelancaran dalam menyampaikan ucapan untuk menarik mahasiswa mengundinya. Saya akan membantunya semasa kempen pilihanraya bagi memastikan kemenangannya dan turut sama akan memikirkan manifesto yang berkesan bagi menghadapi pilihanraya itu. Sekiranya menang, ia merupakan satu bonus kepadanya kerana dapat membantu mahasiswa lain sama ada dari segi akademik mahupun kebajikan di samping dapat membina keyakinan diri.

7.0 Kesimpulan

Keperluan kanak-kanak pintar dari segi emosi dan sosial agak berlainan dengan kanak-kanak biasa disebabkan kelainan yang dimiliki mereka. Mereka tidak bersalah, justeru tidak wajar sekiranya guru-guru atau kawan-kawan meminggirkan mereka hanya disebabkan kelainan mereka. Negara akan kehilangan bakat yang besar sekiranya potensi mereka ini dibiarkan begitu sahaja. Penerimaan keluarga dan masyarakat dalam menerima kelebihan mereka amatlah penting. Ini supaya perkembangan sosial mereka berlaku dengan sempurna seperti kanak-kanak lain.

Perkembangan emosi amat mempengaruhi perkembangan sosial mereka. Jika perkembangan emosi mereka tidak stabil seperti menjadi pemarah, penakut dengan keadaan sekeliling atau sering sedih sentiasa akan menyebabkan mereka disisihkan oleh rakan-rakan kerana dianggap sebagai orang pelik. Jika ibu bapa menyedari perubahan dalam perkembangan emosi mereka, bawalah anak berjumpa dengan kaunselor segera agar perubahan itu dapat dikawal. Keluarga pula janganlah terlalu mendesak anak supaya belajar dengan niat untuk menunjuk-nunjuk kelebihan anak mereka kepada umum. Ini akan mendera emosi dan mental anak itu. Mereka akan belajar mengikut masa yang mereka sukai, bukannya dipaksa untuk belajar.

Guru sebagai insan yang paling dekat dengan mereka di sekolah haruslah menerima kelebihan mereka. Sekiranya kanak-kanak ini membetulkan kesilapan guru atau berdebat dengan guru, janganlah pula guru itu berasa tertekan atau malu. Mereka harus cuba mendengar apa yang ingin diperkatakan oleh kanak-kanak ini dan bukannya menganggap kanak-kanak ini seperti tiada di dalam kelas semata-mata tidak ingin mereka bersuara. Ini boleh membantutkan perkembangan idea mereka dan turut sama mendera emosi mereka. Mereka tidak tahu apa salah mereka kerana pada anggapan mereka, apa yang mereka lakukan adalah betul. Justeru itu, kanak-kanak ini haruslah dijaga dengan elok supaya perkembangannya akan menghasilkan seorang individu yang mampu menyumbang kepada negara kelak.

Bibliografi

Delisle, J. dan Galbraith, J. (2002). *When gifted kids don't have all the answers: how to meet their social and emotional needs*. Minneapolis: Free Spirit Publishing Inc.

Parke, B. N. (2003). *Discovering programs for talent development*. United States: Corwin Press Inc.

Purcell, J. H. dan Eckert, R. D. (2006). *Designing services and programs for high ability learners: a guidebook for gifted education*. United States: Corwin Press Inc.